

D'Mara Uptown mercu tanda baharu

34 peniaga pelbagai barangan memenuhi tapak niaga seawal jam 7 malam setiap minggu

PARIT BUNTAR - Pembukaan operasi perniagaan D'Mara Uptown Parit Buntar di perkarangan bangunan Mara Kerian, Pekan Lama di sini, sejak sebulan lalu bakal menjadi mercu tanda baharu eko-pelancongan daerah Kerian sempena Tahun Melawat Perak 2017.

Dengan jumlah 40 tapak niaga disediakan, D'Mara Uptown dijangka memberi lebih banyak pilihan kepada orang ramai mendapatkan barang keperluan selain menyediakan peluang perniagaan terutama kepada peniaga bumiputera.

Lebih membanggakan, kewujudan D'Mara Uptown bukan sahaja mencatat sejarah sebagai satu-satunya bazar perniagaan uptown terdapat di daerah Kerian.

Malah, D'Mara Uptown Parit Buntar turut menerima pengiktirafan sebagai satu-satunya bazar berkonsepkan uptown dikelolakan sendiri Majlis Amanah Rakyat (Mara) di negeri Perak.



Kehadiran pengunjung ke bazar D'Mara Uptown Parit Buntar menarik minat lebih ramai peniaga dari dalam dan luar daerah.

Tawar harga berpatutan

DALAM pada itu, seorang pengunjung, Mohd Mustaqim Yahya, 25, yakin nama D'Mara Uptown mampu berdiri setaraf bazar Uptown Jalan Reko, Kajang dan Bandar Perda, Pulau Pinang.

"Saya pertama kali hadir ke sini dan apa ditawarkan tidak lari daripada jangkaan saya, barangan berkonsepkan uptown dengan harga berpatutan.

"Saya nampak potensi besar pengajuran D'Mara Uptown dan tidak sabar



MOHD MUSTAQIM

mengongsi pengalaman di sini bersama rakan-rakan lain," katanya.